

BAB
1

Kerajaan Alam Melayu

A Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling tepat.

1.1 Konsep Alam Melayu

1 Apakah aspek serumpun yang ada di Alam Melayu?

- I Bahasa
 II Budaya
 III Warna kulit
 IV Kegiatan ekonomi
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

☐

2 Penduduk di Alam Melayu mempunyai budaya serumpun yang merangkumi aspek-aspek tertentu. Apakah aspek yang terlibat?

- A Pelayaran
 B Kegiatan ekonomi
 C Bahasa dan tulisan
 D Kawasan pelabuhan

☐

1.2 Kewujudan Kerajaan di Alam Melayu

3 Jadual berikut menunjukkan maklumat berkenaan kerajaan Alam Melayu.

Kerajaan	Masa	Pusat Kerajaan
Funan	Abad pertama	Vyadhapura
Angkor	Abad kesembilan	X

Apakah X?

- A Melaka
 B Indrapura
 C Palembang
 D Hariharalaya

☐

1.3 Kerajaan Alam Melayu yang Masyhur

4 Apakah faktor kemasyhuran kerajaan Champa?

- A Kemajuan ekonomi
 B Penyatuan penduduk
 C Ancaman Siam berakhir
 D Berjaya mengatasi ancaman Dai Viet

☐

5 Berikut menunjukkan gelaran asing terhadap sebuah kerajaan di Alam Melayu.

Kataha

Gelaran tersebut merujuk kerajaan _____

- A Kedah
 B Champa
 C Majapahit
 D Gangga Nagara

☐

1.4 Kerajaan Alam Melayu dan Kerajaan Luar yang Sezaman

6 Pemerintahan Alam Melayu menjalin hubungan perdagangan dengan kerajaan luar disebabkan beberapa faktor.


Apakah faktor tersebut?

- I Kedudukan strategik
 II Kekayaan hasil bumi
 III Kekuatan ketenteraan
 IV Kepandaian pemimpin
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

☐

7 Gambar berikut menunjukkan simbolik hubungan keagamaan di Alam Melayu.

Masjid



Masjid

Penyebaran agama manakah yang boleh dikaitkan dengan gambar tersebut?

- A Islam
 B Hindu
 C Buddha
 D Kristian

☐

8 Jelaskan cara kerajaan Kedah Tua menjalin hubungan dengan kerajaan China.

-  16
- A Menghantar utusan bagi mendapatkan pengiktirafan
 - B Menghantar utusan bagi mendapatkan bantuan ketenteraan
 - C Menghantar utusan bagi mengukuhkan hubungan perdagangan
 - D Menghantar utusan bagi memulihkan hubungan selepas berperang ☐

9 Kerajaan Majapahit telah menghantar utusan ke China pada abad ke-14. Apakah tujuannya?

 18

- A Mengeratkan hubungan persahabatan
- B Memulakan hubungan perdagangan
- C Meminta bantuan ketenteraan
- D Mendapatkan pengiktirafan ☐

10 Pada pendapat anda, apakah kepentingan kerajaan Alam Melayu menjalin hubungan diplomatik dengan kerajaan China dan India?

 18

- I Kedudukan terpelihara
- II Rakyat setia kepada pemimpin
- III Kemakmuran kerajaan terjamin
- IV Pertambahan penduduk Alam Melayu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



BAB 2

Sistem Pemerintahan dan Kegiatan Ekonomi Masyarakat Kerajaan Alam Melayu

A Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling tepat.

2.1 Sistem Pemerintahan

1 Jadual berikut adalah gelaran raja-raja kerajaan Alam Melayu.

Kerajaan	Gelaran Raja
Champa	X
Angkor	Dewaraja

Apakah gelaran X?

- A Raja Kecil
- B Rajadhiraja
- C Rajakumara
- D Kurang Bnam

2 Maklumat berikut berkaitan dengan kerajaan Srivijaya.

Kedatuan dan Pradatuan

Maklumat tersebut merujuk kepada _____

- A pengganti raja
- B gelaran tentera
- C pentadbir wilayah
- D golongan Brahmin

3 Corak pemerintahan kerajaan Kedah Tua berubah apabila menjadi sebahagian daripada kerajaan Srivijaya.

Pada ketika itu, Kedah Tua telah diletakkan di bawah pentadbiran _____

- A Yuvaraja
- B Kedatuan
- C Pradatuan
- D Rajakumara

4 Apakah yang dimaksudkan dengan Sabta Prabu dalam pemerintahan Majapahit?

- A Sistem cukai
- B Majlis Penasihat Diraja
- C Mengurus hal perdagangan
- D Bentuk pemerintahan yang mudah

5 Bagaimanakah para pembesar kerajaan Angkor berperanan?

- A Mencari anggota tentera
- B Mengerah tenaga rakyat
- C Mengenakan cukai yang tinggi
- D Bertanggungjawab dalam soal keselamatan

2.2 Kegiatan Ekonomi

6 Kawasan tersebut dikaitkan dengan kerajaan Angkor.

Tasik Tonle Sap

Apakah sumbangannya kepada kemajuan kerajaan Angkor?

- A Pusat perkembangan perdagangan
- B Maju dalam bidang pertanian
- C Pusat penyebaran agama
- D Kawasan pelancongan

7 Fungsi Ketua Air dalam kerajaan Champa adalah untuk menyelenggarakan daik.

Apakah tujuan usaha tersebut?

- A Memajukan pelancongan
- B Mengelakkan banjir
- C Menghalang musuh
- D Menjaga keamanan

8 Jadual berikut menunjukkan pelabuhan kerajaan Alam Melayu.

Kerajaan	Pelabuhan
Angkor	Yasodharapura
Kedah Tua	X
Gangga Nagara	Lembah Kinta

Apakah pelabuhan X?

- A Oc Eo
- B Surabaya
- C Kam Ram
- D Pangkalan Bujang

9 Pada pendapat anda, apakah faktor yang membolehkan masyarakat Alam Melayu mampu belayar sehingga ke Afrika?



- I Dorongan pemerintah
- II Permohonan kerajaan luar
- III Kemahiran membuat kapal
- IV Penguasaan ilmu pelayaran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

☐

10 Kegiatan perlombongan dilakukan secara kecil-kecilan oleh masyarakat Alam Melayu.



Apakah sumber yang dilombong tersebut?

- A Minyak
- B Bauksit
- C Bijih besi
- D Bijih timah

☐

BAB 3

Sosiobudaya Masyarakat Kerajaan Alam Melayu

A Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling tepat.

3.1 Bahasa dan Tulisan

1 Bahasa manakah yang menjadi bahasa utama kerajaan Funan?

- A Sanskrit
- B Melayu
- C Palava
- D Jawa

☐

2 Penemuan inskripsi pada dinding candi menunjukkan masyarakat Angkor mempunyai tulisannya sendiri.

Apakah tulisan tersebut?

- I Jawi
- II Arab
- III Khmer
- IV Palava
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

☐

3 Mengapakah bahasa dan tulisan penting kepada perkembangan masyarakat kerajaan Alam Melayu?

- A Memajukan ekonomi
- B Bahan artifak berguna
- C Menjadi alat komunikasi
- D Menjadi tatapan generasi

☐

3.2 Persuratan

4 Kegiatan persuratan kerajaan Kedah Tua dibuktikan dengan penemuan inskripsi yang ditulis di peralatan berikut.

- Pinggan tanah liat
- Kepingan emas
- Kepingan perak

Apakah kandungan penting yang ditulis?

- A Amalan agama
- B Kisah dewa-dewi
- C Sumpah setia raja
- D Nasihat kepada raja

☐

5 Antara berikut, yang manakah persuratan kerajaan Alam Melayu yang disadurkan ke dalam bahasa tempatan?

- I Pararatan
- II Ramayana
- III Mahabharata
- IV Nagarakertagama
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

☐

3.3 Seni Bina

6 Masyarakat kerajaan Funan telah membina candi. Apakah tujuan pembinaan tersebut?

- A Rumah ibadat
- B Kawasan rehat
- C Tapak semaian
- D Kawasan perniagaan

☐

7 Binaan berikut merujuk kepada seni bina masyarakat Kerajaan Angkor.

Angkor Wat

Pada tahun bilakah Raja Suryavarman II membina seni bina tersebut?

- A Abad ke-11
- B Abad ke-12
- C Abad ke-13
- D Abad ke-14

☐

3.4 Struktur Sosial

8 Antara berikut, yang manakah jenis golongan bangsawan dalam masyarakat Alam Melayu?

- I Askar
- II Ilmuwan
- III Pujangga
- IV Pekerja istana
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

☐

9 Kumpulan hamba merupakan kumpulan paling rendah dalam organisasi sosial masyarakat Alam Melayu. Mereka terdiri daripada _____

I hamba berhutang

II hamba dipaksa

III hamba istana

IV hamba perang

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

10 Rakyat merdeka memainkan peranan penting dalam kerajaan Alam Melayu, iaitu

I menjadi pembelot.

II melindungi golongan hamba.

III menjana ekonomi kerajaan.

IV memberikan taat setia kepada pemerintah.

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

BAB 4

Agama, Kepercayaan dan Keunikan Warisan Masyarakat Kerajaan Alam Melayu

A Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling tepat.

4.1 Agama dan Kepercayaan

1 Apakah yang dimaksudkan dengan animisme?

- A Kepercayaan kepada kayu
- B Kepercayaan kepada *mana*
- C Kepercayaan kepada makhluk halus
- D Kepercayaan kepada tuhan yang satu

Soalan
Tali
PIL 56

2 Percaya kepada *mana* merupakan kepercayaan masyarakat awal.

- A Percaya kepada roh
- B Percaya kepada satu tuhan
- C Percaya kepada hari akhirat
- D Percaya kepada kekuatan atau semangat

Soalan
Tali
PIL 56

3 Gambar berikut menunjukkan Candi Angkor Wat.

Soalan
Tali
PIL 56



Pembinaan candi tersebut menunjukkan penduduk kerajaan Angkor telah menerima _____.

- A pengaruh agama Buddha
- B pengaruh agama Kristian
- C pengaruh agama Hindu
- D pengaruh agama Islam

4 Pendeta dari China, iaitu I-Tsing pernah singgah di Srivijaya. Tujuan beliau pergi ke Srivijaya ialah

- I berdagang.
- II menjadi penasihat raja.
- III belajar bahasa Sanskrit.
- IV menterjemah kitab Buddha.
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Soalan
Tali
PIL 58

5 Pada abad ke berapakah kerajaan Kedah Tua menerima pengaruh agama Islam?

- A Abad ke-10
- B Abad ke-11
- C Abad ke-12
- D Abad ke-13

Soalan
Tali
PIL 59

4.2 Keunikan Warisan Masyarakat Kerajaan Alam Melayu

6 Apakah keunikan warisan sistem pemerintahan di Alam Melayu?

- A Pemerintah mengasimilasikan pengaruh agama dalam pentadbiran
- B Pemerintah memajukan perdagangan
- C Pembinaan monumen yang kukuh
- D Bidang persuratan berkembang

Soalan
Tali
PIL 60

7 Mengapakah pemerintah kerajaan Alam Melayu menjalin hubungan diplomatik dengan kerajaan lain?

- I Memelihara kedaulatan
- II Menyebarkan pengaruh
- III Memakmurkan kerajaan
- IV Mendapatkan perlindungan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Soalan
Tali
PIL 61

8 Maklumat berikut menerangkan peranan pelabuhan di Alam Melayu.

Soalan
Tali
PIL 62

Pelabuhan ini berperanan untuk mengumpul, mengendalikan dan mengedarkan barangan dagangan serantau dan antarabangsa.

Pelabuhan tersebut ialah _____.

- A pelabuhan kerajaan
- B pelabuhan entrepot
- C pelabuhan pembekal
- D pelabuhan persinggahan

9 Mengapakah seni bina dihasilkan?

- A Menjadi pameran
- B Menjadi pusat intelektual
- C Menjadi kediaman pemerintah
- D Untuk perkembangan kegiatan pertanian

Soalan
Tali
PIL 63

10 Apakah peranan golongan agama sehingga diberi kedudukan yang istimewa dalam kerajaan Alam Melayu?

- I Pentadbir
- II Penasihat raja
- III Pengantara
- IV Penggubal undang-undang
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Soalan
Tali
PIL 64

BAB 5

Kesultanan Melayu Melaka

A Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling tepat.

5.1 Pengasasan Kesultanan Melayu Melaka

- 1 Pernyataan berikut merupakan sejenis tumbuhan yang ada di Melaka.

73

Pokok bakau

Apakah kepentingan tumbuhan tersebut kepada Melaka?

- I Bekalan makanan
 - II Benteng pertahanan
 - III Perlindungan semula jadi
 - IV Petunjuk kepada pedagang
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 2 Maklumat berikut merujuk kepada bentuk muka bumi Melaka.

74

- Terlindung daripada tiupan angin monsun
- Berbukit bukau
- Di pesisiran pantai terdapat pokok bakau dan api-api

Apakah nilai yang dikaitkan dengan keadaan tersebut?

- A Kegigihan
- B Keberanian
- C Kesyukuran
- D Kebanggaan

5.2 Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka

- 3 Raja menduduki hierarki paling tinggi dalam struktur pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka. Pada pendapat anda, apakah peranan sultan dalam pentadbiran negeri?

74

- I Ketua angkatan tentera
 - II Pengasas kota dan bandar
 - III Ketua turus angkatan perang
 - IV Penyelaras kegiatan ekonomi
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 4 Maklumat berikut merujuk tugas Bendahara di Melaka.

77

- X
- Pemangku sultan

Apakah X?

- A Pemungut hasil
- B Penasihat sultan
- C Penguasa bandar
- D Pengawal peribadi sultan

- 5 Undang-Undang Laut Melaka telah digubal di Melaka.

78

Apakah kepentingan undang-undang tersebut dalam aktiviti perdagangan di Melaka?

- A Keselamatan rakyat terjamin
- B Dasar monopoli perdagang terhapus
- C Kemudahan infrastruktur dikembangkan
- D Urusan perdagangan berjalan lancar

- 6 Bagaimanakah negeri berikut diletakkan di bawah pengaruh Kesultanan Melayu Melaka?

80

Kedah

- A Naungan
- B Kerelaan
- C Perkahwinan
- D Penaklukan

- 7 Maklumat berikut menggambarkan kegemilangan Melaka dalam bidang perdagangan pada abad ke-15.

84

"Maka segala dagang atas angin dan bawah angin sekaliannya datang ke Melaka; terlalu ramai bandar Melaka pada zaman itu."

Sejarah Melayu

Pada pendapat anda, faktor apakah yang membawa kepada keadaan tersebut?

- A Kebebasan cukai
- B Kesuburan tanah
- C Kekayaan hasil bumi
- D Kedudukan strategik

8 Penyebaran agama Islam telah diusahakan oleh Kesultanan Melayu Melaka.
Bagaimanakah usaha tersebut diusahakan?

I Perkahwinan
 II Peluasan kuasa
 III Pemberian ganjaran
 IV Pembinaan sekolah agama

A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

9 Senarai berikut merupakan kurniaan kerajaan China kepada pemerintah Melaka.

- Cap mohor
- Payung kuning
- Sepersalinan pakaian

Apakah kepentingan kurniaan tersebut kepada Melaka?

A Mendapat pengiktirafan
 B Meluaskan tanah jajahan
 C Memajukan perdagangan
 D Menyeragamkan pentadbiran

5.3 Pengakhiran Kesultanan Melayu Melaka yang Berpusat di Melaka

10 Apakah faktor yang menyebabkan kejatuhan kerajaan Melayu Melaka pada awal abad ke-16?

I Dasar perdagangan
 II Masalah perpaduan
 III Kelemahan kepimpinan
 IV Pemberontakan penduduk

A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

SELAMAT MENJAWAB ANAK
DIDIK SMK BALUNG, MOGA
KEJAYAAN MILIK ANDA YANG
TIDAK PERNAH BERPUTUS ASA
DALAM PDPR